



Peniaga di Mukah patuh arahan KPDNHEP

By Alwin Lawrence | June 6th, 2020 | Categories: TEMPATAN

MUKAH: Secara keseluruhan hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati para peniaga di Bahagian Mukah patuh pada arahan yang dikeluarkan khasnya melibatkan penandaan harga menggunakan warna pink, tidak menjual lebih dari harga siling yang ditetapkan, tidak menyorok barang kawalan dan sebagainya.

Itu jelas Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Mukah, Salihin Den berhubung pelaksanaan tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa dan Hari Gawai 2020 termasuk sepanjang tempoh PKP hingga PKPB (18 Mac hingga 4 Jun 2020) ini.

Ujarnya hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga (PPH), juga mendapati bekalan barang kawalan dan keperluan asas mudah diperolehi, sentiasa mencukupi dengan harga yang berpatutan di Mukah.

"Terima kasih atas kerjasama yang diberi oleh kesemua peniaga di Bahagian Mukah. Diharap sikap sebegini terus diamalkan,"katanya kepada Suara Sarawak.

Namun demikian hasil pemeriksaan KPDNHEP Cawangan Mukah ke atas 1018 premis perniagaan sepanjang tempoh PKP hingga PKPB (18 Mac 2020 hingga 4 Jun 2020) juga telah menghasilkan 24 kes dengan jumlah nilai rampasan sebanyak RM8,012.00 serta nilai kompaun RM9,100.00.

Jelasnya pihaknya juga telah menerima aduan pengguna sebanyak 40 aduan sepanjang tempoh PKP hingga PKPB dikuatkuasakan.

“Kesemuanya aduan telah selesai disiasat dan menghasilkan 18 kes, 9 aduan tidak berhas, 2 aduan disalurkan ke agensi lain dan 2 aduan disalurkan ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

“Disamping itu sebanyak sembilan Notis seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) telah dikeluarkan bagi mendapat maklumat mengenai harga berdasarkan aduan yang diterima.

“Daripada sembilan Notis seksyen 21 AKHAP 2011, pihak kami telah membuka 1 (satu) Kertas Siasatan atas kesalahan di bawah seksyen 21(5) iaitu enggan atau tidak mematuhi arahan yang dibuat oleh Penolong Pengawal,” ujarnya

Beliau turut menegaskan bahawa mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti

“Bagi kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, individu boleh didenda mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.00, manakala bagi Syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

“Manakala bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga untuk Individu mereka boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000.00, bagi syarikat pula boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.00,” tegasnya.

<https://suarasarawak.my/2020/06/06/peniaga-di-mukah-patuh-arahan-kpdnhep/>

